



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LOTERI UMNO MALAYA, 1953 - 1969



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABU HANIFAH BIN JAMIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



LOTERI UMNO MALAYA, 1953 – 1969

ABU HANIFAH BIN JAMIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

UPSM/PS-3/B0 32
Print : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 3.....(hari bulan) CGO'S.....(bulan) 2022

i. Perakuan pelajar:

KEMANUSIAAN

Saya, ABU HANIFAH B. RAMIL (M20181000926) FAKULTI SAINS / (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk LOTERI UMNO MALAYA, 1953 - 1969

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NAZIRAH BT LEE (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk
LOTERI UMNO MALAYA, 1953 - 1969

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
IJAZAH SARJANA SASTRA (SEJARAH MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

3/8/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NAZIRAH BINTI LEE
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind: 01 m/s 1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

LOTERI UMNO MALAYA, 1953 - 1969

No. Matrik / Matrik's No.:

M20181000926

Saya / I:

ABU HANIFAH BIN DAMIL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIALMengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972**TERHAD/RESTRICTED**Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisas/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**AZ

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Panyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 3/8/2022**PROF. MADYA DR. NAZIRAH BINTI LEE**

Jabatan Sejarah

Institut Sains Kemanusiaan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak organisasi berkaitan
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana izinNya, penulis dapat menyiapkan disertasi bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) (Mod Penyelidikan) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Penulis bersyukur, kerana segala cabaran dan kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan, telah berjaya di atasi. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Professor Madya Dr Nazirah Binti Lee dan Dr Rabaah Binti Abdullah atas bimbingan nasihat dan tujuk ajar yang diberi. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada isteri tercinta Noor Azizah Binti Ahmad, ibu bapa, adik beradik dan sahabat handai yang tidak jemu memberikan dorongan dan semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia dan *National Library Board, Singapore* atas kerjasama yang diberikan kepada penulis dalam usaha mendapatkan bahan-bahan kajian ini. Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini. Saya berdoa kepada Allah S.W.T agar kajian ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan di samping memberikan manfaat dalam menambahkan pengetahuan baharu kajian berhubung sejarah di Malaysia.





ABSTRAK

Kajian berhubung Loteri UMNO Malaya ini bertujuan untuk menganalisis tentang perkembangannya sepanjang tempoh 1953 sehingga 1969. Ia menghuraikan tentang tujuan penubuhan Loteri UMNO Malaya dan kepentingannya kepada perjuangan UMNO dalam memperbaiki keadaan kewangan masyarakat Melayu pada tahun 1950-an sehingga 1960-an. Pelaksanaan Loteri UMNO Malaya berkonseptkan kebijakan bertujuan untuk membela nasib golongan yang mempunyai masalah dan kesempatan hidup. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan mengaplikasikan metodologi kajian sejarah. Sehubungan itu, ia menggunakan sumber primer dan sekunder secara meluas. Sumber primer yang digunakan adalah fail, dokumen, surat-menyurat, majalah serta akhbar yang diterbitkan sepanjang tempoh kajian. Sumber primer ini diteliti, disaring dan dianalisis bagi mendapatkan maklumat tepat berhubung perkembangan yang terjadi. Kajian ini memperlihatkan bahawa perkembangan sejarah sosial dalam masyarakat Melayu pada pertengahan abad ke-20 mendorong UMNO melancarkan loteri ini. Ia dilihat sebagai usaha kebijakan dan selari dengan agama Islam. Penganjuran loteri mendapat sokongan penuh daripada para pemimpin UMNO berdasarkan hasil keputusan mesyuarat. Bantuan loteri yang disalurkan kepada kebijakan orang Melayu membawakan hasil apabila para tahanan penjara berjaya dibantu, bantuan pendidikan diperluaskan, pembangunan rancak dijalankan dan peluang pekerjaan semakin bertambah. Namun, pelaksanaan loteri ini menghadapi cabaran yang besar kerana masalah pengurusannya antaranya komitmen yang rendah oleh ejen penjual tiket loteri, isu kehilangan tiket serta kurang sambutan daripada ahli UMNO. Ia juga mencetuskan polemik dalam kalangan agamawan di Malaysia berhubung hukum berkaitan loteri. Jelasnya kajian ini membuktikan bahawa isu kemiskinan dan kelemahan ekonomi mendapat perhatian dalam agenda perjuangan UMNO. Ia juga menunjukkan bahawa polemik dan konflik di dalam masyarakat Muslim ditangani secara berbeza mengikut jabatan agama negeri dan ia menyebabkan pentadbiran agama Islam di negara tidak selari.





UMNO MALAYA LOTTERY, 1953 – 1969

ABSTRACT

This study analyses the UMNO Malaya Lottery from 1953 to 1969. It centres on the history of the lottery, including the purpose of the organisation and its part in the UMNO's struggle against the Malays' economic incompetence in the 1950s and 1960s. The UMNO Malaya Lottery was designed to help Malays who were having financial difficulties and was based on a welfare model. This study uses historical research technique and a qualitative approach. Throughout the course of this research, both primary and secondary sources were extensively consulted. For the purpose of gathering accurate information about the developments that took place during the research period, primary sources including files, documents, letters, periodicals, and newspapers that were published during that time were carefully examined and studied. This study demonstrates that the development of social history in the Malay community in the middle of the 20th century prompted UMNO to launch this lottery. UMNO leaders saw it as a charitable effort, and their decision is in line with Islamic teaching. The implementation of the lottery received full support from UMNO leaders based on the meeting's results. Lottery aid channeled to the welfare of the Malays is seen as successful when prison inmates are successfully helped, education aid is expanded, rapid development is carried out, and job opportunities are increasing. Nevertheless, the UMNO Malaya Lottery was criticized and ran into management issues. Furthermore, the lottery brought about a polemic among Muslim scholars in Malaysia regarding the laws and regulations related to lotteries in Islam. In sum, this study illustrates that UMNO, within this period of study, paid close attention to efforts combating poverty and financial weakness among the Malays. It also shows that polemics and conflicts in the Muslim community were tackled differently because the religious departments in each state in Malaysia had different interpretations of Islamic laws and regulations. Such development has sadly continued to this day causing inconsistency in Islamic interpretation and perception in Malaysia.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	7
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Kepentingan kajian	9
1.6 Skop kajian	10
1.7 Sorotan kajian lepas	11
1.8 Metodologi kajian	24





1.9 Pembahagian bab	26
1.10 Kesimpulan	28

BAB 2 JUDI SEBELUM TAHUN 1953

2.1 Pengenalan	29
2.2 Perjudian dalam perspektif masyarakat di Tanah Melayu	30
2.3 Definisi judi dan loteri	45
2.3.1 Loteri	46
2.3.2 Laga ayam	53
2.3.3 Laga lembu	56
2.3.4 Laga kerbau	61
2.4 Rumah perjudian	66
2.5 Kesan perjudian dalam masyarakat	69
2.5.1 Pembunuhan	70
2.5.2 Ketagihan	71
2.5.3 Syirik dan khurafat	72
2.5.4 Kemiskinan	74
2.5.5 Keruntuhan moral	76
2.6 Kesimpulan	78

BAB 3 PENGURUSAN LOTERI UMNO MALAYA

3.1 Pengenalan	80
3.2 Akta Perjudian	81
3.3 Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan	82
3.4 Loteri MIC	83





3.5 Loteri MCA	84
3.6 Hubungan UMNO dan MCA dalam loteri	85
3.7 Latar belakang penubuhan Loteri UMNO Malaya	86
3.8 Pengurusan Loteri UMNO Malaya	94
3.8.1 Bendahari Loteri UMNO Malaya	100
3.8.2 Setiausaha Loteri UMNO Malaya	103
3.8.3 Juruaudit	105
3.8.4 Percetakan dan pengedaran tiket	106
3.8.5 Komisyen jualan	113
3.8.6 Maklumat ejen	114
3.8.7 Tiket loteri	115
3.8.8 Hadiah kemenangan	117
3.8.9 Surat tuntutan hadiah	119
3.8.10 Pengiklanan	120
3.8.11 Bank Loteri UMNO Malaya	122
3.9 Permit loteri	122
3.10 Kesimpulan	123

BAB 4 SUMBANGAN LOTERI UMNO MALAYA

4.1 Pengenalan	125
4.2 UMNO dan kebajikan	126
4.3 Hasil sumbangan Loteri UMNO Malaya	128
4.4 Pembinaan prasarana UMNO	134
4.5 Derma Kebajikan Am	142
4.6 Pembangunan pendidikan	153





4.7 Kesimpulan

158

BAB 5 ISU DAN CABARAN PENGANJURAN LOTERI UMNO MALAYA

5.1 Pengenalan	160
5.2 Perbezaaan fatwa dan pandangan ulama terhadap loteri	161
5.3 Pandangan UMNO dan PAS terhadap loteri kebajikan	169
5.4 Pegangan fatwa loteri oleh UMNO	176
5.5 Kelemahan dan permasalahan pengurusan loteri	177
5.6 Implikasi pelaksanaan loteri	189
5.6.1 Perkembangan parti UMNO dan peningkatan taraf ekonomi	190
5.6.2 Keruntuhuan moral	193
5.6.3 Pembaziran	195
5.6.4 Perkembangan aktiviti perjudian	196
5.6.5 Perkembangan aktiviti hiburan	197
5.6.6 Perpecahan umat Islam	199
5.6.7 Perbincangan isu khilafiah	200
5.7 Kesimpulan	202

BAB 6 KESIMPULAN

6.1 Kesimpulan	204
----------------	-----

RUJUKAN

209

LAMPIRAN

227





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Ringkasan laporan tiket Loteri UMNO Malaya daripada UMNO Bahagian Jelebu	103
3.2 Pengedaran tiket loteri di seluruh bahagian UMNO di Tanah Melayu	107
3.3 Senarai agihan dana Loteri UMNO Malaya di setiap cawangan UMNO Perak pada tahun 1953	109
3.4 Laporan penjualan tiket loteri yang dihantar oleh Setiausaha UMNO Kuala Pilah, Negeri Sembilan	109
3.5 Senarai nama pemenang cabutan Loteri UMNO Malaya	111
3.6 Jumlah keseluruhan penjualan tiket Loteri UMNO Malaya	112
4.1 Sumbangan Loteri UMNO Malaya bagi tahun 1953 dan 1954	129
5.1 Hadiah pemenang loteri	182





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Mesyuarat Agung UMNO di Seberang Perai	96
3.2 Cop pengesahan juruaudit dalam surat kepada Setiausaha Loteri Kebajikan UMNO	106
5.1 Persidangan alim ulama di Kuala Lumpur pada tahun 1951	161
5.2 Muzakarah alim ulama mengenai hukum loteri	169
5.3 Dua ahli perempuan UMNO Melaka sedang menjual tiket loteri sewaktu mesyuarat UMNO Melaka	179
5.4 Rumah UMNO Kuala Lumpur	193





SENARAI SINGKATAN

MCA	<i>Malaysia Chinese Association</i>
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MGS	<i>Methodist Girl's School</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
PAS	Parti Islam Se Malaysia
P.M.P.K	Perikatan Melayu Perak
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>





SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Muka Surat
I Borang tempahan tiket Loteri UMNO Malaya	227
II Iklan Loteri UMNO Malaya	228
III Surat arahan percetakan tiket Loteri UMNO Malaya	229





BAB 1

PENGENALAN



Kajian ini adalah tentang Loteri UMNO Malaya mulai dari tahun 1953 hingga tahun 1969. Secara umumnya, pelancaran loteri ini adalah bermatlamat untuk membela kebijakan masyarakat Melayu akibat kesusahan dan penderitaan yang dialami sepanjang tempoh penjajahan dan keganasan komunis. Tempoh 1950-an hingga 1960-an merupakan antara tahun yang kritikal bagi masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Masyarakat Melayu yang berada dalam sektor ekonomi tradisional seperti menjadi petani dan nelayan telah menyebabkan mereka terpinggir daripada ekonomi komersial. Ekoran itu, taraf kehidupan masyarakat Melayu yang ketinggalan berbanding masyarakat di luar bandar menyebabkan beberapa langkah diambil oleh parti UMNO untuk memelihara kebijakan masyarakat Melayu. Atas inisiatif cadangan beberapa ahli UMNO, maka penganjuran loteri oleh UMNO diharapkan dapat





melepaskan bebanan kesusahan yang ditanggung oleh masyarakat Melayu. Lantaran itu, setiap UMNO bahagian dan cawangan digerakkan untuk menjalankan penjualan tiket loteri kepada para ahli UMNO di seluruh Tanah Melayu. Hasil kewangan daripada penjualan tiket loteri tersebut dimanfaatkan untuk kepentingan masyarakat Melayu khususnya ahli UMNO. Walaupun penganjuran loteri ini tidak mencapai objektif yang diharapkan, namun ia menjadi salah satu penyumbang kepada perjuangan UMNO dalam aktiviti kebajikan sosial masyarakat Melayu di Malaysia. Penganjuran aktiviti loteri ini menjadi titik tolak yang penting dalam melihat sejarah perjuangan UMNO dalam aktiviti kebajikan di Tanah Melayu sepanjang pertengahan abad ke-20.



1.2 Latar belakang kajian



Sejarah merakamkan bahawa loteri merupakan tradisi yang telah lama bertapak dalam peristiwa kehidupan manusia. Menurut akhbar *Warta Ahad*, kegiatan loteri telah wujud di negara England pada tahun 1566.¹ Pada ketika itu, aktiviti loteri dijalankan oleh seorang Paderi Besar Canterbury yang memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Orang Besar dan Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Orang Ramai. Loteri sering dikaitkan dengan permainan yang melibatkan pertaruhan wang atau barang. Antara faktor yang melahirkan kegiatan loteri adalah tekanan kewangan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah.² Keuntungan dalam bentuk barang atau wang yang bakal diraih melalui pertaruhan menjadi dorongan utama kepada para pemain loteri

¹Warta Ahad, 21 Jun 1936, 17.

² Galang Legowo Dwi Putranto. (2018). Togel Dalam Budaya Kemiskinan Masyarakat : Studi Deskriptif Judi Togel Dalam Tinjauan Kebudayaan Kemiskinan. *Jurnal Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, Universitas Airlangga, 7.





untuk mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik dalam masa yang singkat. Selain bermatlamatkan keuntungan, pertaruhan juga dilihat sebagai hiburan yang boleh melepaskan daripada segala kepenatan bekerja dan merapatkan hubungan sesama masyarakat.³ Selain itu, permainan loteri juga didorong oleh keinginan memenuhi waktu lapang. Waktu senggang diperuntukkan untuk bertaruh tanpa mengambil kira jumlah kerugian yang ditanggung. Lokasi pertaruhan untuk bermain loteri juga dijadikan sebagai medan berkumpul bersama rakan untuk bergembira sambil menghabiskan wang dan masa.⁴

Secara umumnya, dalam konteks di Tanah Melayu, kewujudan loteri yang diasaskan parti-parti politik yang mewakili sesuatu kaum seperti Melayu, India dan Cina adalah berasaskan kepada keadaan sosioekonomi dan keperluan yang mendesak.

Kajian berkaitan Loteri UMNO Malaya yang diasaskan oleh parti politik Melayu mempunyai perkaitan rapat dengan sejarah penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat apabila bermulanya kolonialisasi British di Tanah Melayu yang meminggirkan masyarakat Melayu daripada ekonomi komersial, kemudian disusuli penjajahan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945 meninggalkan kesan yang buruk

³ Azharudin Mohamed Dali. (2014). *Kuda Dalam Masyarakat di Tanah Melayu Pada Era Sebelum Merdeka*. Jabatan Sejarah : Universiti Malaya, 182.

⁴ Rina Krisnawati. (2010). *Lotere Totalisator di Surabaya Tahun 1968-1968*. Departemen Ilmu Sejarah : Universitas Airlangga, 30. Lihat Uswatun Khasanah. (2016). *Tinjauan Hukum Pidana Islam Terhadap Sanksi Perjudian Dalam Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Maisir*. Fakultas Syariah dan Hukum : Universitas Islam Negeri Walisongo, 36. Lihat Reniati Sumanta. (2014). *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Perjudian (Kajian Perbandingan Qanun Maisir Di Aceh Dan Perda Perjudian Di Kota Bekasi)*, Fakultas Syariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 13. Lihat Widodo Basuki & Arief Sudrajat. (2017). *Praktik Sosial Sabung Ayam Di Desa Becirongengor Kecamatan Wonoayu*, Fakultas Ilmu Sosial dan Hukum, Universitas Negeri Surabaya, 2. Lihat Abdul Ghoni & Indah Sri Pinasti. (2018). *Fenomena Perjudian Sabung Ayam Di Masyarakat Kampung Kumejing Desa Sukamurni, Kecamatan Sukakarya Kabupaten Bekasi*, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Yogyakarta, 2.





terhadap keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu.⁵ Kemusnahaan kawasan sumber ekonomi kesan daripada taktik bumi hangus yang dilancarkan oleh British bagi menyekat kemaraan Jepun, mengakibatkan masyarakat Melayu yang majoritinya terlibat dalam kegiatan ekonomi tradisional terjejas.⁶ Antara lain, keganasan komunis dalam usaha melakukan rampasan kuasa mengakibatkan banyak kerosakan harta benda serta kehilangan nyawa.⁷ Oleh itu, cabaran demi cabaran yang dilalui ketika penjajahan British, disusuli pertapakan Jepun seterusnya keganasan komunis meninggalkan kesan pahit yang mendalam terhadap kehidupan sosioekonomi masyarakat Melayu. Kesusaahan kehidupan yang dilalui dalam tempoh penjajahan, menyebabkan parti UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 berperanan menggalas tugas membela nasib orang-orang Melayu yang tertindas.



Penubuhan parti UMNO pada 11 Mei 1946 hasil daripada kesedaran orang-orang Melayu untuk membela bangsanya telah menggiatkan pelbagai usaha kebaikan untuk orang Melayu dan salah satu daripadanya adalah melalui sumbangan loteri yang

⁵ Tekanan memuncak yang dihadapi oleh masyarakat Melayu sewaktu pendudukan Jepun antaranya ialah kadar inflasi meningkat tinggi disebabkan percetakan wang tanpa kawalan serta barang keperluan yang sedikit. Rakyat juga menghadapi masalah kekurangan makanan, pakaian dan barang keperluan harian. Catuan beras yang dihadapi menyebabkan rakyat terpaksa memakan apa sahaja terutamanya ubi kayu sehingga mendatangkan masalah kesihatan. Terdapat juga buruh-buruh yang dihantar untuk membina landasan kereta api maut bagi menjayakan cita-cita ekonomi Jepun. Lihat Asma Hasna. (2012) *Pendudukan Jepun*. Mega Publications, 57.

⁶ Uqbal Iqbal, Nordin Hussin & Ahmad Ali Seman. (2016). *Dasar Ekonomi Jepun di Semenanjung Tanah Melayu Sewaktu Perang Dunia Kedua*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1. Semasa penjajahan Jepun, tahap kesihatan masyarakat Tanah Melayu juga berada dalam keadaan membimbangkan. Hal ini kerana pihak Jepun melakukan rampasan terhadap ubat-ubatan dan alat-alat kelengkapan hospital. Lihat Asma Hasna. (2012). *Penjajahan Jepun*, Mega Publications, 51.

⁷ Antara bentuk kekejaman komunis di Tanah Melayu ialah menyeksa penduduk kampung seperti mengikat kaki dan tangan dengan dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam sungai hidup-hidup. Terdapat juga orang Melayu yang dibawa masuk ke dalam hutan tetapi nasib mereka tidak diketahui. Lihat Mohamed Ali Haniffa & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2017). Impak Penjajahan British dan Jepun terhadap hubungan Melayu-Cina di Tanah Melayu. *Jurnal Sultan Alauuddin Sulaiman Shah*, bil 2, Vol 4, 99 – 100. Selain itu komunis juga bertindak membakar rumah-rumah penduduk seperti yang berlaku di Kampung Pantai Remis, Sitiawan, Perak pada 26 Julai 1948 sehingga menyebabkan seramai 500 penghuni kehilangan tempat tinggal. Lihat Ho Hui Lin. (2012). Strategi Pegerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1920 – 1989. Sarjana, Vol. 27. No. 2, 67-68.





mula dicadangkan pada tahun 1946 oleh Tuan Haji Rejab. Idea ini dikemukakan sebagai inisiatif untuk mencari sumber kewangan bagi menampung segala perbelanjaan pembangunan dan bantuan kemanusiaan. UMNO sebagai parti yang memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu sentiasa mendukung cita-cita untuk menjaga maruah, martabat bangsa, agama dan negara. Maka penubuhan UMNO adalah bertitik tolak daripada visi berkenaan bagi membela orang Melayu daripada kemunduran yang datang daripada kolonialisasi dan keganasan komunis. Oleh itu, loteri dianggap sebagai langkah terbaik dan tercepat bagi tujuan pelaksanaan pembangunan, membantu kebajikan masyarakat dan memulihkan kehidupan ke arah fasa yang lebih baik.⁸

Persetujuan pelancaran besar-besaran Loteri UMNO Malaya dicapai secara

sebulat suara dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO kali ke-7 di Seberang Perai, Pulau Pinang. Penubuhan Loteri UMNO Malaya telah dicadangkan sebagai langkah untuk mencari sumber dana kewangan.⁹ Melalui penubuhan loteri ini, segala keuntungan akan digunakan untuk kebajikan orang-orang Melayu seperti pembinaan prasarana, membantu para tahanan politik di penjara serta ahli keluarganya, membantu masyarakat yang ditimpa bencana, meringankan masalah kesihatan, memberi bantuan pendidikan serta banyak lagi. Selain itu, penubuhan loteri juga dianggap sebagai inisiatif untuk mengutip sumbangan dalam kalangan masyarakat Melayu disebabkan kutipan yuran dan derma tabung UMNO kurang memberangsangkan. Pengenalan loteri oleh UMNO ini mendapat sambutan yang sederhana oleh masyarakat Melayu di seluruh Tanah Melayu. Berfokuskan kepada

⁸ Rina Krisnawati. (2010). *Lotere Totalisator di Surabaya Tahun 1968-1968*. Departemen Ilmu Sejarah, Universitas Airlangga, 61-62.

⁹ Che Hassan Che Yusoff. (2013). *Pemerintahan PAS di Kelantan 1959 – 1978 : Kekuatan, Kemelut dan Kejatuhan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 11.



membela nasib orang-orang Melayu, maka loteri ini juga dianggap sebagai strategi untuk membantu dan mengelakkan orang-orang Melayu terus ketinggalan dari segi pembangunan sosioekonomi.¹⁰

Susulan itu, berdasarkan surat pekeliling bil 73/52 bertarikh 29 Disember 1952, maka sebuah Jawatankuasa Loteri UMNO Malaya telah diwujudkan bagi memastikan operasi loteri diuruskan secara teratur. Hasrat Tunku Abdul Rahman menganjurkan Loteri UMNO Malaya atas tujuan kebajikan dilihat sebagai langkah drastik yang mampu mengubah nasib seseorang ke arah yang lebih baik bahkan loteri dijadikan sebagai salah satu sumber untuk mengumpul wang bantuan. Namun, pengenalan loteri menimbulkan polemik yang besar dalam masyarakat Melayu kerana dikaitkan dengan unsur perjudian dan loteri dianggap sebagai bentuk perjudian yang baru. Penerimaan

masyarakat terhadap loteri mempunyai dua sisi pandangan yang berbeza. Pihak yang menerima fatwa loteri adalah halal beralasan bahawa ia adalah salah satu daripada bentuk sumbangan kebajikan atau derma. Manakala pihak yang memilih fatwa pengharaman pula berpendapat loteri merupakan salah satu cabang perjudian kerana melibatkan pertaruhan. Walaupun kewujudan loteri ini mendapat bantahan daripada kalangan agamawan yang kuat berpegang teguh dengan agama Islam, namun ia tetap diteruskan oleh UMNO atas prinsip membela nasib orang-orang Melayu. Bantahan terhadap penganjuran loteri telah membawa kepada penubuhan parti PAS yang diasaskan pada tahun 1951.¹¹

¹⁰ UMNO pada awal penubuhannya berfokuskan untuk memperbaiki sosioekonomi masyarakat Melayu. Oleh itu pada tahun 1946 hingga 1948, sudah ada usaha yang diambil oleh UMNO untuk terlibat dalam perniagaan. Lihat Jamaie Haji Hamil. (2002). Politik dan Perniagaan: Responsif Awal UMNO Terhadap Rekonstruksi Sosio-Ekonomi Melayu dan Kepentingan Parti. *JEBAT* 29, 50.

¹¹ Che Hassan Che Yusoff. (2013). *Pemerintahan PAS di Kelantan 1959-1978 : Kekuatan, Kemelut dan Kejatuhan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 12. Lihat Ustaz Hassan Shukri bersama PAS sejak 1951.



Ringkasnya, Loteri UMNO Malaya yang dilancarkan besar-besaran pada pertengahan abad ke-20 mendapat sokongan penuh dalam kalangan ahli UMNO berdasarkan hasil keputusan Mesyuarat Agong UMNO kali ke-7 yang dimeterai di Seberang Perai. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menilai dan menganalisis sejauh mana pelaksanaan Loteri UMNO Malaya di Tanah Melayu memberi impak terhadap masyarakat Melayu sepanjang tempoh kajian.

1.3 Permasalahan kajian

Sepanjang tahun 1950-an sehingga 1960-an sejarah masyarakat Melayu adalah kompleks. Sepanjang tempoh penjajahan, kebahagiaan masyarakat Melayu dirampas dan hak mereka dinafikan. Peminggiran dari sudut pendidikan dan pengasingan dalam sektor ekonomi mengakibatkan masyarakat Melayu ketinggalan berbanding bangsa lain. Sejarah dan perkembangan dalam dunia Muslim selepas Perang Dunia Pertama turut memberi kesan kepada penafsiran baharu dalam pemahaman Islam. Pengaruh sekular daripada Turki, kecenderungan kepada Barat dan juga kesedaran dan semangat persaudaraan Islam telah dibincangkan dalam kajian para sarjana sebelum ini. Perkembangan berkenaan memberi kesan kepada Muslim di Tanah Melayu dan kajian kepada sejarah berkenaan loteri UMNO dalam memberi pemahaman baharu berhubung komitmen dan persepsi Muslim kepada Islam dan prinsip serta peraturannya.



Masyarakat Muslim di dalam sejarah Malaysia digambarkan dalam kajian terdahulu sebagai sebuah masyarakat yang pelbagai karekternya. Mereka juga mempunyai interpretasi yang berbeza berhubung ajaran Islam. Faktor utama yang dikaitkan berhubung fenomena tersebut adalah latar belakang pendidikan dan keturunan. Kajian terhadap loteri UMNO ini menyingkap peranan latar belakang ekonomi dalam mempengaruhi komitmen seseorang kepada peraturan dan ketetapan yang ditetapkan di dalam Islam.

Secara umumnya Muslim ketinggalan berbanding kaum lain kerana peminggiran yang berlaku dalam perkembangan ekonomi komersial di Tanah Melayu semasa zaman kolonialisme. Kajian terdahulu mendedahkan semasa penentangan Malayan Union rancak diadakan di Tanah Melayu, telah timbul kesedaran dalam masyarakat Melayu akan kepentingan memelihara kebajikan bangsanya yang sekian lama dalam belenggu penjajahan. Contohnya kajian berkaitan UMNO Pagoh menerangkan mengenai usaha kebajikan yang dijalankan oleh UMNO bagi menaikkan taraf ekonomi masyarakat setempat iaitu dengan memberi galakan bermiaga barang runcit agar lapangan ekonomi tidak terus dikuasai oleh bangsa asing.¹² Justeru, UMNO sebagai sebuah parti yang dominan dalam masyarakat, telah mengambil langkah meluaskan ruang kebajikan dengan bertindak menganjurkan loteri UMNO. Antara lain ia bertujuan untuk membuka jalan keluar kepada masyarakat yang mengalami kesempitan wang dan memerlukan pertolongan. Namun begitu, loteri merupakan sesuatu yang kontroversi kerana ia seringkali dianggap sebagai salah satu daripada jenis perjudian. Sehubungan itu, penelitian kepada peranan, sumbangan dan

¹² Ahmad Ali Seman. (1993). *Sejarah UMNO Pagoh 1946 – 1957*. Perpustakaan Negara Malaysia, 87-88.



fatwa yang dikeluarkan berkaitan loteri UMNO sepanjang tempoh kajian ini memberikan satu pemahaman baharu kepada kesan tekanan ekonomi kepada komitmen Muslim terhadap agama mereka.

1.4 Objektif kajian

Objektif penyelidikan ini merangkumi empat aspek, iaitu:

- i. Mengkaji latar belakang perjudian di Tanah Melayu.
- ii. Membincangkan pengurusan Loteri UMNO Malaya.
- iii. Menilai sumbangan Loteri UMNO Malaya kepada kebajikan orang-orang Melayu.
- iv. Menganalisis isu dan cabaran berkaitan Loteri UMNO Malaya.



1.5 Kepentingan kajian

Kajian terhadap Loteri UMNO Malaya merupakan penyelidikan yang penting di Malaysia bagi mengetahui usaha-usaha kebajikan yang dijalankan oleh parti UMNO sekitar pertengahan abad ke-20. Sistem pengurusan Loteri UMNO Malaya di Malaysia yang bermula pada pertengahan abad ke-20, menunjukkan wujudnya kesepakatan dalam kalangan masyarakat Melayu dalam usaha meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Dana hasil loteri yang dikumpulkan melalui jualan tiket loteri jelas menunjukkan keinginan dan kesungguhan masyarakat Melayu untuk membantu parti UMNO di samping ingin mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik melalui





jalan yang pantas. Selain itu, dana loteri yang terkumpul juga menunjukkan keprihatinan masyarakat Melayu sekitar pertengahan abad ke-20 yang cakna terhadap usaha-usaha kebajikan masyarakat dengan menjadikan loteri sebagai saluran untuk melakukan sumbangan. Usaha-usaha menggerakkan Loteri UMNO Malaya mendapat bantahan daripada sebahagian besar golongan agama yang menganggap aktiviti ini adalah haram dan merupakan bentuk perjudian. Manakala sebahagian yang lain menerima loteri ini sebagai derma. Isu perbahasan agama berkaitan hukum loteri mendapat perhatian masyarakat kerana ia melibatkan perkara halal dan haram. Ekoran itu, kajian ini dapat melihat perbezaan pandangan golongan agama dalam mengeluarkan fatwa berkaitan hukum loteri.



Ruang lingkup kajian ini dimulakan dari tahun 1953 sehingga tahun 1969 iaitu selama 16 tahun. Pengkaji memilih tahun 1953 sebagai permulaan kajian kerana pada tahun ini iaitu pada tarikh 19 Jun 1953, UMNO Tanah Melayu telah melancarkan Loteri UMNO Malaya secara besar-besaran buat kali pertama di Tanah Melayu. Sehubungan itu, tahun 1953 merupakan tarikh yang sangat penting dalam melihat peranan Loteri UMNO Malaya terhadap kebajikan orang-orang Melayu. Pemilihan kajian terhadap loteri anjuran UMNO adalah disebabkan untuk menganalisis sejarah sosial masyarakat Melayu yang berhadapan dengan kemiskinan dan tekanan ekonomi. Tambahan pula, UMNO mempunyai pengaruh yang besar dalam sejarah politik di Tanah Melayu. Pengkaji membataskan kajian ini sehingga tahun 1969 kerana pada tahun ini Tanah Melayu dilanda krisis perkauman iaitu Peristiwa 13 Mei yang memberi kesan terhadap





corak pemerintahan kerajaan persekutuan. Rentetan daripada peristiwa ini, perbahasan Dewan Parlimen banyak membincangkan dan membahaskan usaha-usaha penyatuan antara kaum bagi memelihara keharmonian masyarakat. Untuk memastikan kebijakan semua kaum terbela, maka selepas tahun 1969, kerajaan dilihat lebih memfokuskan sepenuhnya kepada Loteri Kebajikan Masyarakat yang sudah wujud sejak pemerintahan British di Tanah Melayu. Kajian ini dihentikan sehingga pada tahun 1969 kerana pada tahun ini berlakunya perkembangan baharu dalam sejarah di Malaysia sekaligus menandakan satu lagi tahap yang berbeza dalam membincangkan isu Loteri UMNO Malaya di Tanah Melayu.

1.7 Sorotan kajian lepas



Loteri merupakan inisiatif oleh pihak kerajaan untuk menyalurkan kebijakan terhadap masyarakat. Kajian oleh Brian Harvey dalam *The National Lottery – Ten Years On* menjelaskan Loteri Kebangsaan Ireland¹³ yang diperkenalkan oleh kerajaan Ireland bertujuan untuk membiayai projek-projek kerajaan dan bukan kerajaan bernilai sebanyak £85 juta pada tahun 1995 terutamanya dalam bidang kesukanan, rekreasi, pendidikan, kesihatan, kebijakan, budaya, warisan, kesenian, bahasa dan kemudahan awam.¹⁴ Saluran dana loteri kepada aspek pembangunan sosial jelas menampakkan sikap serius oleh pihak kerajaan dalam usaha memelihara kebijakan masyarakat.

¹³ Asal penubuhan Loteri Kebangsaan Ireland adalah bertujuan untuk membangunkan bidang sukan di negara tersebut. Perkara ini telah diusulkan kali pertama oleh Menteri di Jabatan Pendidikan Ireland iaitu Jim Tunney pada tahun 1979. Kemudian pada tahun 1984 Loteri Kebangsaan Ireland dilancarkan dan saluran dana diperluaskan bukan sahaja dalam bidang sukan, namun manfaatnya turut disumbangkan dalam bidang kesenian, budaya, pendidikan dan kesihatan. Brian Harvey. (1995). *The National Lottery – Ten Years On*. Policy Research Centre, National College of Industrial Relations, 8.

¹⁴ Ibid, 5.





Seterusnya kajian oleh Ruth Lea dalam *The Larceny of The Lottery Fund* menjelaskan Loteri Kebangsaan di United Kingdom yang dirasmikan pada tahun 1994 diperkenalkan untuk membantu kemajuan sukan, kesenian, warisan, kebajikan dan projek-projek pembangunan.¹⁵ Loteri Kebangsaan di United Kingdom kemudiannya ditambah baik berdasarkan Akta Loteri Kebangsaan United Kingdom 1998 yang menyatakan dana loteri akan disalurkan kepada beberapa perkara iaitu sukan, kesenian, warisan, kebajikan, projek pembangunan, kesihatan, pendidikan dan persekitaran.¹⁶ Antara lain kajian oleh Delores Davis turut bersetuju bahawa antara sebab kewujudan loteri adalah untuk menyumbang kepada kebajikan masyarakat. Kajian beliau mendapati bahawa dana kutipan loteri digunakan untuk pembangunan pendidikan sekolah rendah dan menengah di daerah Montgomery Country iaitu bantuan kepada sebanyak 16 buah sekolah. Hal ini telah mewujudkan peluang pendidikan yang sama rata bagi masyarakat di daerah tersebut.¹⁷ Christopher Cornwell dan David B. Mustard dalam kajiannya berkaitan loteri di Georgia menyatakan bahawa sebanyak sepertiga dana kutipan loteri disalurkan kepada bahagian pendidikan di bawah skim Biasiswa Harapan Georgia atau *Georgia's HOPE Scholarship* iaitu meliputi biasiswa, yuran, kelas tambahan, buku, prasekolah, kemudahan infrastruktur pendidikan dan kemudahan teknologi pendidikan.¹⁸ Jelasnya, pihak kerajaan di negara-negara Eropah menjadikan jalan loteri sebagai usaha untuk membangunkan kehidupan sosial masyarakat ke arah tahap yang lebih baik.

¹⁵ Ruth Lea. (2006). *The Larceny of The Lottery Fund*. Centre for Policy Studies, London, 5.

¹⁶ Ibid, 6-7.

¹⁷ Delores Davis. (2000). *The Impact of The Ohio Lottery On Public Primary and Secondary Schools in Montgomery Country*. Economic Student Publications : Wright State University, iii.

¹⁸ Christopher Cornwell & David B. Mustard. (2001). *The Distributional Impact of Lottery – Funded Aid . Evidence From Georgia's HOPE Scholarship*. University of Georgia, 3-10.





Loteri turut dilihat sebagai salah satu cara untuk mencari keseronokan diri. Rina Krisnawati dalam *Lotere Totalisator di Surabaya Tahun 1968-1969* memberi penjelasan bahawa pertaruhan loteri yang bermotifkan hiburan kebiasaannya melibatkan golongan kelas atasan yang mahu mengisi waktu luang dengan melakukan aktiviti perjudian.¹⁹ Loteri juga dijadikan sebagai alat untuk melupakan kepenatan daripada permasalahan yang melanda kehidupan.²⁰ Antara lain, Galang Legowo Dwi Putranto dalam artikelnya bertajuk *Togel Dalam Budaya Kemiskinan Masyarakat* menegaskan bahawa loteri adalah aktiviti yang dilakukan ketika waktu senggang yang bermatlamatkan untuk menghiburkan hati.²¹ Artikel bertajuk *The Addictive potential of Lottery Gambling* juga menyatakan penglibatan masyarakat dalam kegiatan loteri bertujuan untuk menghindari daripada perasaan tidak semangat, tekanan dan suasana sedih.²² Manakala kajian oleh Joel E. Abrahamson menyatakan

loteri bukan sahaja bermatlamatkan untuk kemenangan, malah mendorong kepada keseronokan. Maka boleh dikatakan loteri adalah hiburan berbentuk pertengahan atau *soft gambling*.²³ V. Ariyabuddhiphongs dalam tulisannya menjelaskan penglibatan masyarakat dalam loteri adalah bertujuan keseronokan, keinginan untuk menang dan sifat ingin tahu. Keinginan bersosial bersama rakan turut menarik masyarakat untuk

¹⁹ Rina Krisnawati. (2010). *Lotere Totalisator di Surabaya Tahun 1968-1969*. Tesis Sarjana Sejarah, Universitas Airlangga, 11. Lihat Helvira Mayasari Hendrik. (2016). *Analisis Kriminologis Terhadap Kejahatan Perjudian (Studi Kasus di Kota Pangkajene Tahun 2012-2014)*. Tesis Sarjana, Fakultas Hukum : Universitas Hasanuddin, 3.

²⁰ Ibid, 27.

²¹ Galang Legowo Dwi Putranto. (2018). *Togel Dalam Budaya Kemiskinan Masyarakat*. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universitas Airlangga, 3. Lihat Maulana Adli. (2015). *Perilaku judi Online*. Fakultas Ilmu Sosial dan Politik : Universitas Riau, 2. Lihat Nikmatul Hafifa dan Sugeng Harianto. (2017) Studi Fenomenologi Motif Melakukan Judi Togel di Surabaya. *Paradigma, Volume 05 Nomer 01*, Universitas Negeri Surabaya, 8.

²² Sabine M. Grusser, Babett Plontzke, Ulrike Albrecht & Chantal Patricia Morsen. (2007). *The Addictive Potential of Lottery Gambling*. Institute of Medical Psychology. Universitätsmedizin Berlin, 25.

²³ Joel E. Abraham. (1990). *Lottery Fever : is it Healthy?*. UNI Scholar Work : University of Northern Iowa, 13.



terlibat dalam permainan loteri.²⁴ Jefri Hutagalung, Ibrahim dan Suzanalisa menyatakan dalam kajiannya bahawa permainan loteri bagi golongan atasan adalah sekadar melepaskan kepenatan bekerja, berseronok dan tanpa ada tekanan untuk menang.²⁵ Oleh itu, boleh dikatakan faktor jiwa masyarakat yang kosong daripada perkara yang bermanfaat juga menyumbang kepada perkembangan kegiatan loteri.

Seterusnya, kewujudan kegiatan loteri adalah bagi menampung kekurangan sumber kewangan negara. Mark D. Griffiths dan Richard T. A. Wood dalam *Lottery Gambling and Addiction: An Overview of European Research* membuat kajian berkaitan loteri ke atas beberapa negara di Eropah. Dapatan kajian mendapati bahawa negara Belanda membahagikan hasil keuntungan loteri kepada dua bahagian iaitu 70% keuntungan dijadikan sebagai hadiah manakala 23% dimasukkan ke dalam perbendaharaan negara.²⁶ Manakala negara Albania, menjadikan peruntukan hasil loteri untuk membiayai pasukan Olimpik pada tahun 1992.²⁷ Hal sama turut berlaku di Rusia apabila apabila pembangunan sukan negara diambil daripada hasil keuntungan loteri.²⁸ David A.Korn dalam kajiannya menyatakan bahawa antara sebab kerajaan di Kanada menghalalkan loteri adalah disebabkan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara terutamanya dalam sektor rekreasi, hiburan dan untuk membantu kebajikan.²⁹ Kertas kerja bertajuk *Is Lottery Gambling Addictive?* menjelaskan bahawa loteri yang diluluskan oleh kerajaan adalah sebagai alternatif untuk

²⁴ V. Ariyabuddhiphongs. (2011). Lottery Gambling : A Review. *Journal of Gambling Studies*, 3.

²⁵ Jefri Hutagalung, Ibrahim & Suzanalisa. (2010). Penegakan Hukum Dalam Menanggulangi Tindak Pidana Perjudian Toto Gelap (Togel) Dikalangan Masyarakat Di Wilayah Hukum Pengadilan Negeri Jambi. *Legalitas Edisi Desember 2010, Volume 1, Nomor 3*, 134.

²⁶ Mark D. Griffiths & Richard T.A.Wood. (1999). *Lottery Gambling and Addiction: An Overview of European Research* Nottingham. Trent University, 12.

²⁷ Ibid, 9.

²⁸ Ibid, 13.

²⁹ David A.Korn. (2000). Expansion of Gambling in Canada. Implications for Health and Social Policy. *Canadian Medical Association Journal*, 61.



memperoleh sumber kewangan.³⁰ Jelasnya, perkembangan loteri di sebuah negara mendapat sokongan dan kelulusan pemerintah disebabkan mampu menampung kos perbelanjaan negara. Di samping itu, sumbangan loteri dijadikan sarana untuk menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa khususnya bidang pembangunan sukan sekaligus mampu menyumbang kepada kesan yang positif terhadap aspek ekonomi.

Loteri turut digunakan sebagai alat untuk menjana keuntungan melalui pengiklanan di media sosial. Sally Monaghan, Jeffrey Derevensky dan Alyssa Sklar dalam *Impact of Gambling Advertisements and Marketing On Children and Adolescents: Policy Recommendations to Minimise Harm* mengupas secara panjang lebar mengenai kesan pengaruh iklan loteri terhadap kanak-kanak dan remaja. Kajian

ini menyatakan lazimnya iklan loteri dipaparkan bersama-sama iklan makanan ringan kerana produk makanan ini mempunyai permintaan tinggi dalam kalangan remaja. Hal ini secara tersirat menimbulkan tarikan untuk melibatkan diri dalam kegiatan loteri di kalangan remaja.³¹ Selain itu, iklan-iklan loteri sentiasa dihiasi dengan kata-kata semangat yang memberikan harapan positif seperti “*It could be you*”, *Everyone’s a winner*”, “*It pays to be nice to people who pay*”, “*All you need is a dollar and dream*”.³² Artikel *The Psychology of Lottery Gambling* pula mendedahkan bahawa pengajur loteri menjadikan media sosial sebagai saluran penyampai maklumat berkaitan aktiviti loteri. Setiap cabutan loteri akan disiarkan di televisyen yang

³⁰ Jonathan Guryan dan Melissa S.Kearney. (2010). *Is Lottery Gambling Addictive?*, National Bureau of Economic Research, 2.

³¹ Sally Monaghan, Jeffrey Derevensky & Alyssa Sklar. (2008). *Impact of Gambling Advertisements and Marketing on Children and Adolescents: Policy recommendations to minimise harm*. School of Psychology : The University of Sydney, 5.

³² Ibid, 260.



ditonton oleh segenap masyarakat.³³ Jelaslah penggunaan media untuk menyebarluaskan maklumat loteri saban hari dapat meracuni minda masyarakat agar terlibat dengan loteri.

Kecintaan kepada harta kekayaan menjadi punca masyarakat terlibat dalam loteri. Hoyt Bleakley dan Joseph P. Ferrie dalam kajiannya berkaitan kegiatan loteri di wilayah Georgia yang dinamakan *The Cherokee Land Lottery* menarik minat yang tinggi dalam kalangan masyarakat untuk menyertai loteri. Loteri ini menawarkan tanah di wilayah Georgia sebagai hadiah kepada pemenang.³⁴ Pemenang loteri ini akan mendapat kekayaan sekelip mata memandangkan tanah yang ditawarkan sebagai hadiah mengandungi hasil emas iaitu seluas 40 ekar.³⁵ Sikap tamak yang menguasai diri peserta loteri serta manipulasi minda oleh pihak yang berkepentingan untuk mengaut kekayaan menyebabkan aktiviti loteri mendapat sambutan yang menggalakkan. Kajian Mark Griffiths dan Richard Wood yang membuat bancian terhadap masyarakat yang terlibat dalam kegiatan loteri di United Kingdom mendapati bahawa 55% bertujuan mengaut keuntungan, manakala 15% sekadar berhibur dan 5% atas tujuan kebajikan.³⁶ Berdasarkan data ini, menunjukkan bahawa loteri merupakan kegiatan yang diterima dalam masyarakat. Namun tarikan kepada faktor kebendaan dan kepuasan diri mengatasi matlamat untuk melakukan kebajikan. Antara lain, masyarakat melihat loteri sebagai cara untuk melipatgandakan wang. Pelbagai alasan digunakan untuk melibatkan dalam aktiviti loteri seperti gaji yang rendah, kehidupan

³³ Mark Griffiths, Richard Wood. (2001). *The Psychology of Lottery Gambling*. Nottingham Trent University, 32.

³⁴ Hoyt Bleakley & Joseph P. Ferrie. (2013). *Up From Poverty? The 1832 Cherokee Land Lottery and The Long – Run Distribution of Wealth*. NBER Working Paper Series : National Bureau of Economic Research, 3.

³⁵ Ibid, 12.

³⁶ Mark Griffiths & Richard Wood. (2001). *The Psychology of Lottery Gambling*, Nottingham Trent University, 29.



yang tidak menentu, tekanan ekonomi dan kejahilan untuk memperbaiki taraf hidup.³⁷

Kajian oleh Nikmatul Hafifa dan Sugeng Harianto merumuskan bahawa kemiskinan turut menjadi faktor penglibatan masyarakat dalam kegiatan loteri. Ketidakmampuan dalam memenuhi keperluan hidup mendorong mereka untuk memilih jalan pintas untuk mengubah kehidupan.³⁸ Impaknya, penglibatan dalam perjudian membentuk sikap tamak untuk sentiasa mencari kekayaan dan menghilangkan sifat syukur terhadap apa yang dimiliki. Ringkasnya, kemunduran hidup yang mendesak dilihat sebagai peluang untuk mencuba nasib dalam pertaruhan loteri dengan harapan tuah akan menyebelahi mereka.

Loteri dijadikan sebagai alat untuk mengukuhkan ekonomi oleh pemerintah bagi meraih sokongan politik. Jens Beckert dan Mark Lutter dalam kajiannya bersetuju

bahawa pengenalan loteri adalah bertujuan menarik sokongan rakyat kepada pemerintah. Hasil loteri diperuntukkan untuk memelihara kepentingan masyarakat seperti membiayai sekolah dan membina kawasan perumahan.³⁹ Kenyataan ini turut disokong oleh Wahyu Lumaksono dan Anik Andayani dalam kajiannya di Indonesia menyatakan dana loteri digunakan untuk mengawal masalah sosial seperti pendidikan, kebudayaan, kesihatan, keagamaan, kemasyarakatan, rumah kebajikan dan sukan.⁴⁰ Perkara yang sama turut dilakukan oleh pemerintah Jakarta iaitu Gabenor Ali Sadikin dengan mengambil langkah meluluskan permainan loteri bagi tujuan pembangunan

³⁷ Jefri Hutagalung, Ibrahim & Suzanalisa. (2010). Penegakan Hukum Dalam Menanggulangi Tindak Pidana Perjudian Toto Gelap (Togel) Dikalangan Masyarakat Di Wilayah Hukum Pengadilan Negeri Jambi. *Legalitas Edisi Desember 2010, Volume 1, Nomor 3*, 132.

³⁸ Nikmatul Hafifa & Sugeng Harianto. (2017). Studi Fenomenologi Motif Melakukan Judi Togel di Surabaya”. *Paradigma. Volume 05 Nomer 01* : Universitas Negeri Surabaya, 8.

³⁹ Jens Beckert & Mark Lutter. (2008). *The Inequality of Fair Play: Lottery Gambling and Social Stratification in Germany* Oxford University Press, 1.

⁴⁰ Wahyu Lumaksono & Anik Andayani. (2014). *Legalisasi Porkas dan Dampaknya Terhadap Masyarakat Pada Tahun 1985-1987*. Fakultas Ilmu Sosial: Universitas Negeri Surabaya, 542.



sosial di kota Jakarta seperti menangani masalah peningkatan urbanisasi iaitu kepesatan penduduk di bandar yang berhijrah dari luar bandar. Ekoran itu, kemudahan awam seperti pembinaan jalan, pasar, sekolah, tempat ibadah, tempat rekreasi, pendidikan, pengangkutan dan kesihatan telah diwujudkan.⁴¹ Hasil usaha beliau, Jakarta menjadi kota metropolitan yang disegani.⁴² Ringkasnya, sumber kewangan negara yang kukuh menjadi tarikan utama kepada rakyat untuk menabur sokongan kepada pemerintah.

Sikap malas berusaha dan ingin mengecapi kekayaan dalam sekelip mata menjadi sebab berkembangnya kegiatan loteri. Kajian oleh Jens Beckert dan Mark Lutter mendapati kebanyakan mereka yang terlibat dalam permainan loteri adalah dalam kalangan masyarakat yang mendapat taraf pendidikan yang rendah.⁴³ Mereka tidak dapat berfikir secara rasional sebaliknya hanya memikirkan kemenangan tanpa mengambil kira jumlah wang yang telah dibazirkan. Kenyataan ini turut disokong oleh Sally Monaghan, Jeffrey Derevensky dan Alyssa Sklar bahawa minda manusia yang meminati pertaruhan sentiasa berfantasi mengecap kemenangan dan gaya hidup yang penuh kegembiraan.⁴⁴ Jika kalah hari ini, mereka yakin peluang esok masih ada. Kekalahan yang dialami menunjukkan bahawa sehari demi sehari kemenangan bakal menjadi miliknya. Oleh itu pemikiran yang tertutup dengan harapan mencari jalan

⁴¹ Hikmah Nur Habibah. (2013). Perjudian Di Jakarta Pada Masa Gubernur Ali Sadikin Tahun 1966 – 1977. *Jurnal Ilmu Sejarah*, Kota Surakarta : Universitas Sebelas Maret, 46.

⁴² Wahyu Lumaksono & Anik Amdayani. (2014). *Legalisasi Porkas dan Dampaknya Terhadap Masyarakat Pada Tahun 1985-1987*. Fakultas Ilmu Sosial : Universitas Negeri Surabaya, 544.

⁴³ Jens Beckert & Mark Lutter. (2008). *The Inequality of Fair Play: Lottery Gambling and Social Stratification in Germany*. Oxford University Press, 482. Lihat Mark Griffiths & Richard Wood. (2001). *The Psychology of Lottery Gambling*. Nottingham Trent University, 29.

⁴⁴ Sally Monaghan, Jeffrey Derevensky & Alyssa Sklar. (2008). *Impact of Gambling Advertisements and Marketing on Children and Adolescents: Policy Recommendations to Minimise Harm*, School of Psychology: The University of Sydney, 2008, 261. Lihat Galang Legowo Dwi Putranto. (2018). *Togel Dalam Budaya Kemiskinan Masyarakat*. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik: Universitas Airlangga, 7.

mudah mengecap kekayaan mengakibatkan kehidupan mereka semakin mundur. Menurut kajian oleh Helvira Mayasari Hendrik menegaskan bahawa pertaruhan sangat sukar dihapuskan kerana berkait rapat dengan kemiskinan dan kebodohan.⁴⁵ Hal demikian ini menunjukkan bahawa penjudi tidak mempunyai wawasan berfikir yang jauh dan lemah akalnya. Maklumat ini disokong oleh kajian Nikmatul Hafifa dan Sugeng Harianto bahawa pengaruh sosial yang menjadikan loteri sebagai cara hidup menyebabkan sebahagian masyarakat yang lain turut menyertai permainan loteri agar mereka tidak tersisih dalam lingkungan masyarakat.⁴⁶ Kesan buruk daripada perkara ini menyebabkan lahirnya sikap malas, pasif dan lemah dalam mencari erti kehidupan. Ringkasnya, loteri yang sebelum ini menjadi tabu dalam masyarakat, berubah menjadi menjadi sesuatu yang diterima apabila ia menjadi warisan amalan turun temurun.



05-4506832



Dalam membincangkan isu loteri UMNO, kemunduran ekonomi menjadi



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

pencetus kepada para pemimpin UMNO untuk meneruskan aktiviti loteri. Ahmad Ali Seman dalam kajiannya bertajuk *Sejarah UMNO Pagoh 1946 - 1957* menjelaskan mengenai keadaan orang-orang Melayu di Pagoh yang hanya bekerja sebagai petani dan penoreh getah serta jauh ketinggalan berbanding bangsa-bangsa lain terutamanya dalam bidang perniagaan.⁴⁷ Justeru itu, penglibatan bangsa-bangsa asing dalam sektor ekonomi komersial memberikan mereka kelebihan yang banyak kerana tertumpu di kawasan bandar manakala ekonomi orang-orang Melayu yang bersifat kekampungan terus berada dalam kemunduran. A. Rahman Tang Abdullah dalam kajiannya

⁴⁵ Helvira Mayasari Hendrik. (2016). *Analisis Kriminologis Terhadap Kejahatan Perjudian (Studi Kasus di Kota Pangkajene Tahun 2012-2014)*. Tesis Sarjana, Fakultas Hukum: Universitas Hasanuddin, 4.

⁴⁶ Nikmatul Hafifa & Sugeng Harianto. (2017). Studi Fenomenologi Motif Melakukan Judi Togel di Surabaya. *Paradigma, Volume 05, Nomer 01*. Universitas Negeri Surabaya, 8.

⁴⁷ Ahmad Ali Seman. (1993). *Sejarah UMNO Pagoh 1946 – 1957*. Perpustakaan Negara Malaysia, 87-88.



menerangkan bahawa terdapat juga kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu namun ia terhad iaitu hanya satu kedai dalam sebuah kampung.⁴⁸ Ringkasnya, taraf ekonomi masyarakat Melayu yang rendah serta jauh ketinggalan berbanding ekonomi komersial melambatkan kemajuan kepada tahap yang lebih baik. Jelasnya, keterlibatan masyarakat Melayu dalam aspek ekonomi hanya dalam lingkungan dengan keadaan setempat di kawasan tempat tinggal mereka. Majoriti masyarakat Melayu juga tinggal di kawasan pedalaman menyebabkan mereka hanya terdedah kegiatan ekonomi tradisional secara kecil-kecilan. Persaingan jurang ekonomi yang jauh antara bangsa Melayu berbanding bangsa-bangsa lain pada sekitar pertengahan abad ke-20 memberi impak yang besar terhadap perkembangan kehidupan masyarakat Melayu sehingga menyebabkan idea loteri diajukan bagi membantu ekonomi masyarakat Melayu.



Seterusnya, ketidakseimbangan ekonomi mengikut kaum menjadikan masyarakat Melayu terpinggir di bumi sendiri. Jurnal bertajuk *Perbandingan Pendekatan Penjajahan British dan Belanda* mendedahkan bahawa kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu pada tahun 1931 ialah seramai 663518 orang di Negeri-negeri Selat, 711504 orang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan 330857 orang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.⁴⁹ Jelasnya, keadaan ekonomi yang tidak seimbang mengikut kaum, menyukarkan masyarakat Melayu untuk terus bersaing terhadap bangsa-bangsa lain yang lebih jauh ke hadapan kerana masyarakat Melayu masih tinggal di kawasan pedalaman serta ketinggalan daripada segala nikmat

⁴⁸ A.Rahman Tang Abdullah. (2017). Economy Change And Transition Of Malay Society In Malaya In Late Nineteenth And Early Twentieth Centuries.. *Jurnal Jabatan Sejarah* : Universiti Malaya, 76.

⁴⁹ Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Ahnaf Wafi Alias & Huzaimah Ismai. (2018). Perbandingan Pendekatan Penjajahan British dan Belanda. *Jurnal Ilmiah Jurusan Sosiologi*. Vol. 8. No. 1, 114 – 115.





pembangunan. Manakala imigran Cina dan India mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak British serta lokasi tempat tinggal mereka yang strategik. Keadaan yang mendesak ini menjadi pemangkin kepada penganjuran loteri oleh parti UMNO bagi memperbaiki tahap ekonomi masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik. .

Sikap tidak ambil peduli British terhadap ekonomi masyarakat Melayu mengakibatkan sektor ekonomi orang Melayu yang berada di luar bandar terus terpinggir. Menurut A.Rahman Tang Abdullah dalam jurnalnya bertajuk *Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries* menerangkan bahawa ekonomi masyarakat Melayu bukanlah menjadi keutamaan British di Tanah Melayu kerana tumpuan penuh hanya diberi kepada sektor ekonomi komersial yang berdasarkan kepada eksport dan majoritinya dikuasai oleh orang-orang Eropah dan Cina.⁵⁰ Justeru, sikap berat sebelah pihak British terhadap ekonomi masyarakat Melayu adalah disebabkan ia tidak memberi sumbangan yang besar terhadap kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu. Lantaran itu, situasi ini menyumbang kepada kelahiran loteri UMNO yang dicetuskan oleh para pemimpin Melayu pada pertengahan abad ke-20.

Kajian seperti *Perkembangan Parti Dan Kesedaran Politik di Pasir Mas, Kelantan Sebelum Merdeka* memberi penjelasan mengenai sejarah awal UMNO. Polisi UMNO yang menyokong aktiviti-aktiviti bertentangan dengan Islam seperti mengadakan loteri dan *fun fair* telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan ahli agama di dalam UMNO seterusnya membawa kepada kelahiran parti

⁵⁰ A.Rahman Tang Abdullah. (2017). Economy Change And Transition Of Malay Society In Malaya In Late Nineteenth And Early Twentieth Centuries. *Jurnal Jabatan Sejarah* : Universiti Malaya, 72.



PAS. Haji Ahmad Fuad Hassan yang memikul tanggungjawab penasihat agama UMNO pada ketika itu meluahkan kekecewaanya terhadap parti UMNO kerana parti yang diwakilinya itu tidak memperlihatkan komitmen yang serius dalam menegakkan Islam.⁵¹ Justeru, sikap UMNO yang tidak mengendahkan teguran para agamawan telah menimbulkan persepsi yang negatif dalam masyarakat Muslim.

Seterusnya, kajian bertajuk *Pemerintahan PAS di Kelantan 1959-1978: Kekuatan, Kemelut Dan Kejatuhan* mendedahkan mengenai perpecahan parti UMNO yang membawa kepada kemunculan parti PAS. Perseteruan antara dua parti politik yang berpengaruh ini didorong oleh sikap UMNO yang tidak mengendahkan teguran ahli agama di dalam UMNO berkenaan penganjuran loteri walaupun fatwa pengharaman telah dikeluarkan oleh Sheikh Abdullah Fahim selaku Mufti Kerajaan

Pulau Pinang.⁵² Kajian oleh Razaleigh Muhamat Kawangit turut bersetuju bahawa kekecewaan pemimpin agama di dalam parti UMNO berpunca daripada hasrat UMNO yang berkeras untuk menganjurkan loteri. Penolakan UMNO secara jelas telah berlaku apabila lahirnya parti PAS.⁵³ Justeru, isu loteri menjadi penanda aras oleh alim ulama untuk menilai komitmen UMNO terhadap Islam. Malah ia menjadi medan ujian terhadap UMNO untuk menangani isu besar yang melanda umat Islam pada ketika itu.

Shahirah Mustaffa dalam jurnalnya ada menyentuh secara ringkas mengenai penglibatan UMNO dalam loteri. Berdasarkan ulasan ringkas kajian tersebut

⁵¹ Ahmad Izahan Ibrahim & Mohammad Ridzuan Othman. (2014). Perkembangan Parti Dan Kesedaran Politik Di Pasir Mas, Kelantan Sebelum Merdeka. *Jurnal Jabatan Sejarah* : Universiti Malaya, 185.

⁵² Che Hassan Che Yusoff. (2013). *Pemerintahan PAS di Kelantan 1959 – 1978 : Kekuatan, Kemelut dan Kejatuhan*.,.Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia,10-11.

⁵³ Razaleigh Muhamat Kawangit. (2014). *Ilmu Organisasi Dakwah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 20-21.



mendedahkan bahawa tujuan penganjuran loteri UMNO adalah untuk menampung dana pembangunan prasarana milik UMNO. Penjualan tiket loteri oleh UMNO dianggap sebagai medium untuk menyalurkan derma kebaikan bagi manfaat masyarakat Melayu.⁵⁴

Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif dan Arba'iyah Mohd Noor dalam *Perkembangan Syarikat Percetakan Qalam Press, 1948-1969* pula memberi penerangan mengenai kritikan yang dilontarkan oleh media massa terhadap parti UMNO. Kajian tersebut menghuraikan peranan yang dimainkan oleh majalah *Qalam* dalam menyuntik kesedaran masyarakat agar tidak terpengaruh dengan agenda loteri kebaikan anjuran UMNO yang dilihat sebagai perjudian. Majalah *Qalam* juga turut mempertikaikan pentadbiran Tunku Abdul Rahman yang mengiktiraf pelaksanaan loteri yang dilihat tidak selari mengikut ajaran Islam. Tindakan pemulauan majalah *Qalam* oleh parti UMNO akhirnya menyebabkan kesan buruk terhadap syarikat penerbitan tersebut kerana mengalami kerugian dan hutang yang tinggi.⁵⁵

Isu perbincangan loteri kebaikan turut dikupas oleh Amin Zaki Bin Mohammad Yusof dalam kajiannya bertajuk *Kontroversi Loteri Kebaikan Masyarakat Di Antara 1958-1960 Melalui Akhbar Utusan Melayu*. Kajian ini memfokuskan kepada Loteri Kebaikan Masyarakat anjuran pihak kerajaan melalui tinjauan akhbar Utusan Melayu. Kupasan kajian ini menyingkap peranan media Utusan Melayu yang dijadikan sebagai saluran untuk melontarkan pandangan dan

⁵⁴ Shahirah Mustappa. (2012). *Tun Dr.Ismail: Biografi Dan Peranan Di Awal Kemerdekaan (1951-1959)*. Persatuan Sejarah Malaysia, 81.

⁵⁵ Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif & Arba'iyah Mohd Noor. (2022). *Perkembangan Syarikat Percetakan Qalam Press, 1948-1969*. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication, Jilid 38 (1) 2022:179-200*, 191.





perbincangan tentang isu loteri. Selain itu, sumbangan bantuan loteri kebajikan terhadap masyarakat awam didedahkan dari semasa ke semasa melalui akhbar ini oleh pihak kerajaan bagi menarik kepercayaan masyarakat untuk menyertai loteri tersebut. Selain itu, tumpuan terhadap persoalan hukum hakam loteri juga menjadi perkara yang hangat dibahaskan oleh para agamawan, namun ketetapan hukum yang muktamad berkaitan loteri masih tidak mencapai kata putus oleh pihak kerajaan.⁵⁶

Ringkasnya, perbincangan isu loteri dan kebajikan telah dilakukan oleh ramai sarjana kerana ia menyentuh tentang sejarah sosial dan ekonomi sesebuah negara dan bangsa. Tambahan pula, hasil loteri dijadikan sebagai sumber pendapatan negara. Dalam konteks kajian sejarah loteri yang berlaku di Tanah Melayu, loteri UMNO hanya dinyatakan sebagai contoh dalam penulisan para sarjana terdahulu namun perbincangan khusus berkaitan Loteri UMNO Malaya masih belum dilakukan. Oleh itu, kajian terhadap Loteri UMNO Malaya akan diterangkan dalam bab tiga, empat, lima dan enam di dalam tesis ini.

1.8 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan sejarah berasaskan pendekatan berbentuk kualitatif untuk mendapatkan hasil kajian. Pendekatan kualitatif diaplikasikan dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data kajian. Pengumpulan data dijalankan melalui kajian perpustakaan bagi mencari bahan-bahan

⁵⁶ Amin Zaki Mohammad Yusof. (1992). *Kontroversi Loteri Kebajikan Masyarakat Di Antara 1958-1960 Melalui Akhbar Utusan Melayu*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan : Universiti Sains Malaysia.





berkaitan tajuk kajian. Penyelidik mengkaji dan menganalisis bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel dan tesis yang diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpusatakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia dan sumber secara atas talian bagi menyempurnakan tugas kajian ini. Pengumpulan data primer sebagai rujukan utama kajian diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Hansard Parlimen dan *National Library Board*, Singapura. Sumber primer yang digunakan antaranya ialah akhbar, majalah, buku dan surat menyurat UMNO bagi menjelaskan pengurusan loteri UMNO dan fatwa loteri. Selain itu, laporan parlimen digunakan untuk menilai perbahasan loteri antara UMNO dan PAS. Antara lain, surat pekeliling UMNO digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai keputusan mesyuarat, garis panduan dan maklumat terperinci berkenaan loteri.



Kaedah analisis data kajian dilakukan dalam keseluruhan bab dengan mengasingkan setiap maklumat mengikut tajuk perbincangan setiap bab. Antaranya jenis perjudian di dalam bab dua, pengurusan loteri di dalam bab tiga, manakala sumbangan loteri di dalam bab empat dan cabaran penganjuran loteri dijelaskan di dalam bab lima. Selain itu setiap dokumen primer berupa fail, surat-menyurat, surat khabar dan majalah akan diasingkan mengikut tahun agar ketepatan kajian dapat dilakukan dengan baik. Penyelidik mengumpul maklumat secara berterusan kemudian mengaitkan kesinambungan fakta antara setiap bab. Melalui analisis yang dijalankan, pengkaji membuat pengolahan penulisan, menghurai dan membuat kesimpulan berdasarkan fakta-fakta yang sahih secara tersusun agar penyampaian lebih jelas dan berkesan. Penyelidik juga menggunakan kaedah komparatif dalam perbincangan bab dua, tiga dan empat bagi membuat perbandingan sumber dan fakta yang ditemui





berhubung aktiviti perjudian yang dibincangkan. Antaranya perbandingan mengenai tawaran hadiah Loteri UMNO Malaya yang mempunyai perbezaan maklumat di dalam akhbar dan surat. Perbandingan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan agaruraian kajian menjadi lebih sempurna. Kaedah naratif yang berbentuk penceritaan turut diaplikasikan dalam bab tiga, empat dan lima agar setiap fakta dalam kajian ini diuraikan dan dijelaskan mengikut kronologi yang tepat. Selain itu, pengkaji juga menggunakan pendekatan analitikal dalam bab enam yang memerlukan pemikiran, kupasan, olahan dan renungan yang mendalam supaya maklumat dalam kajian ini mampu menatijahkan sesuatu yang baru dalam perkembangan ilmu sejarah di Malaysia.



Bab Satu

Bab satu merupakan pengenalan kepada kajian ini. Ia terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini.

Bab Dua

Bab kedua membincangkan latar belakang perjudian di Tanah Melayu. Ia mengupas secara ringkas sejarah awal perjudian di Tanah Melayu sehingga pertengahan abad ke-20. Ia merujuk kepada jenis-jenis perjudian yang terdapat di dalam sejarah Malaysia. Pengkaji juga menjelaskan perjudian dalam perspektif masyarakat di Tanah Melayu sehingga ia menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat.





Bab Tiga

Bab ketiga membincangkan mengenai pengurusan Loteri UMNO Malaya. Bab ini mengupas tentang perkembangan yang berlaku dalam penganjuran Loteri UMNO Malaya. Ia menyentuh mengenai proses pengendalian urusan yang berkaitan. Pengkaji juga menerangkan secara ringkas penganjuran loteri daripada parti-parti politik selain UMNO.

Bab Empat

Bab keempat pengkaji menceritakan sumbangan Loteri UMNO Malaya kepada kebajikan orang-orang Melayu. Tumpuan bab keempat adalah kepada sumbangan yang diberikan bagi manfaat golongan yang memerlukan antaranya kepada para tahanan penjara serta ahli keluarganya. Selanjutnya ia juga memaparkan maklumat prasarana dan infrastruktur yang dibina hasil daripada pelaksanaan Loteri UMNO Malaya yang menjadi pemangkin kepada perubahan kehidupan masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik.

Bab Lima

Bab kelima pengkaji menganalisis cabaran yang timbul berkaitan Loteri UMNO Malaya. Perbincangan di dalam bab ini menilai respon daripada masyarakat Muslim kepada Loteri UMNO Malaya kerana ia melibatkan perjudian. Fatwa yang dikeluarkan oleh majlis agama dan ulama berkaitan loteri dianalisis bagi memperlihatkan kepelbagai bentuk sambutan kepada loteri ini. Pengkaji juga turut mengupas pandangan UMNO dan PAS terhadap isu loteri yang membawa pedebatan di dalam persidangan Dewan Rakyat. Selain itu permasalahan dan implikasi pelaksaan loteri turut dijelaskan dalam bab ini.





Bab Enam

Bab keenam merupakan bab kesimpulan. Pengkaji akan membuat kesimpulan terhadap dapatan kajian mengenai bagaimana isu Loteri UMNO Malaya memberi impak yang besar terhadap parti UMNO dan kehidupan masyarakat Melayu pada pertengahan abad ke-20.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini memberi tumpuan kepada aktiviti Loteri UMNO Malaya sepanjang tempoh 1953 – 1969. Aspek utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah latar belakang pengenalan Loteri UMNO Malaya di Tanah Melayu serta penglibatan UMNO dalam aktiviti loteri ke arah usaha menjaga kebajikan masyarakat Melayu. Kajian ini juga menonjolkan parti UMNO sebagai sebuah parti politik yang cakna terhadap isu-isu yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu pada pertengahan abad ke-20.

